

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ (PASIR MAS)
NO. SOALAN : 317

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ (PASIR MAS) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah bagi mengukuhkan perdagangan dalam kalangan negara OIC yang mempunyai populasi 1.5 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) terus kekal kukuh dari tahun ke tahun. Sejak 10 tahun yang lalu, jumlah dagangan antara Malaysia dan OIC telah meningkat sebanyak 2 kali ganda iaitu daripada RM82.3 bilion pada tahun 2006 kepada RM144.9 bilion pada tahun 2015. Pada tahun lalu, jumlah eksport Malaysia ke negara-negara

OIC adalah sebanyak RM78.1 bilion manakala jumlah import adalah sebanyak RM66.8 bilion. Rakan dagangan Malaysia yang terbesar di kalangan negara-negara OIC adalah Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Turki dan Pakistan.

Negara-negara OIC merupakan pasaran yang penting kepada Malaysia terutamanya bagi produk minyak dan gas, minyak kelapa sawit, produk elektrik dan elektronik, bahan dan produk kimia, mesin dan perkakasan, serta barang kemas. Di samping itu, Malaysia turut mengimport petroleum mentah, produk petroleum, bahan dan produk kimia dan lain-lain dari negara OIC.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah bagi mengukuhkan hubungan dagang antara Malaysia dan negara anggota OIC termasuk penganjuran *Export Acceleration Mission*, pameran perdagangan dan forum antarabangsa. Di antara pameran perdagangan dan forum antarabangsa yang pernah dianjurkan adalah termasuk *Muslim World Biz*, *World Islamic Economic Forum (WIEF)*, *World Halal Conference* dan *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*.

Pada tahun 2015, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah mengadakan 18 *Export Acceleration Mission* ke 12 buah negara anggota OIC yang meliputi pelbagai produk dan perkhidmatan seperti minyak dan gas, bahan kimia, pembangunan infrastruktur, kandungan kreatif multimedia, makanan, francais, industri maritim, produk dan perkhidmatan perubatan.

Bagi suku kedua tahun 2016, MATRADE akan menganjurkan lima *Export Acceleration Mission* ke lima negara anggota OIC iaitu Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Iran, Algeria dan Maghribi. Usaha ini akan memastikan Malaysia dapat memanfaatkan peluang pasaran negara OIC yang mempunyai populasi sebanyak 1.5 bilion penduduk.

Malaysia telah menandatangani 29 Perjanjian Perdagangan dengan negara anggota OIC seperti Indonesia, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Turki. Selain daripada usaha ini, pelaksanaan Sistem Keutamaan Perdagangan [*Trade Preferential System (TPS)*] merupakan salah satu inisiatif penting di bawah kerangka ekonomi OIC yang bermatlamat untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara OIC melalui tawaran akses pasaran pada tarif keutamaan bagi produk terpilih.